



ANDALAH WIRA NEGARA

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

www.hasil.gov.my

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

1-300-88-3010

Pengenalan

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan / penjualan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah (SHT)

Pengemukaan Borang CKHT

Perkara	Sebelum 1 April 2007	Mulai 1 Januari 2010
Pelupus/Penjual i. Harta tanah ii. Syer dalam SHT	CKHT 1 CKHT 1	CKHT 1A CKHT 1B
Pemeroleh/Pembeli i. Harta tanah ii. Syer dalam SHT	CKHT 2 CKHT 2	CKHT 2A CKHT 2A

Hantar Borang CKHT ke cawangan LHDNM di mana fail pelupus dikendalikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan

Sertakan Dokumen Berikut

- Salinan Perjanjian Jual dan Beli (S&P) bagi pemerolehan dan pelupusan harta tanah
- Borang Pemindahan Saham (Borang 32A) bagi pemerolehan dan pelupusan saham dan Borang Pengagihan Saham (Borang 24) bagi pemerolehan saham
- Salinan Surat Hakmilik (jika ada) / Borang Pindahmilik (KTN14A)
- Resit bayaran dan invoice bagi perbelanjaan/kos sampingan

Remitan

Pembeli dikehendaki meremit 2% sekiranya bahagian bayaran tunai adalah kurang daripada 2% daripada balasan kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan. Bagi pelupusan yang tidak dikenakan CKHT, pelupus boleh mengisi borang CKHT 3 supaya remitan 2% tidak perlu dibuat

Perkhidmatan Bayaran Di Bank Ejen LHDNM (Selain e-Bayaran dan Kaunter Bayaran LHDNM)

CIMB BANK	PUBLIC BANK	MAYBANK	HONG LEONG BANK	POS MALAYSIA	AFFIN BANK	CITIBANK
-----------	-------------	---------	-----------------	--------------	------------	----------

Pelupusan Yang Tidak Dikenakan CKHT

- Pelupusan dibuat selepas 5 tahun dari tarikh perolehan harta tersebut
- Pemberian atas dasar kasih sayang/pemindahan di antara:
 - ✓ Suami dan isteri
 - ✓ Ibu bapa dan anak
 - ✓ Datuk/nenek dan cucu
- Keuntungan jualan rumah kediaman sekali seumur hidup bagi warganegara atau pemastautin tetap (Permohonan pengecualian mestilah dibuat dengan mengisi Borang di bawah Seksyen 8, Akta CKHT 1976)

Kadar Cukai CKHT

Mulai 1 Januari 2012, CKHT dikenakan pada kadar :

- i) 10% secara efektif atas keuntungan daripada pelupusan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah yang dibuat dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pemerolehan
- ii) 5% secara efektif atas keuntungan daripada pelupusan hartanah yang dibuat dalam tahun ketiga sehingga tahun kelima dari tarikh pemerolehan.

Kadar Efektif CKHT mulai 1 Januari 2012

Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai	Kadar Efektif
Pelupusan dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh pemerolehan	10%
Pelupusan dalam tahun ke-3 hingga tahun ke-5 daripada tarikh pemerolehan	5%

PENAFIAN

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan.